

12 FEB 1996

Megat - Rusuhan

SIASATAN TERPERINCI KEJADIAN RUSUHAN DI PUSAT SERENTI KARANGAN

KAMPUNG GAJAH, 12 Feb (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri akan menjalankan siasatan terperinci sehingga ke akar umbi kejadian rusuhan di Pusat Serenti Karangan, Kulim, Sabtu lepas, kata Timbalan Menteri Datuk Megat Junid Megat Ayob.

Katanya, tindakan akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati bersalah, termasuk warden yang didakwa menyalahgunakan sistem merawat pelatih di pusat serenti itu dengan melakukan kekasaran seperti memukul dan memaki hamun pelatih.

Megat Junid menafikan dakwaan yang latihan ala tentera selama enam bulan, yang merupakan salah satu program latihan di pusat itu yang bertujuan menguatkan fizikal pelatih sebagai punca pelatih tidak menyukainya dan melakukan rusuhan.

"Latihan itu perlu diadakan kerana ianya berkesan untuk mengembalikan kekuatan otot dan mental pelatih seperti orang biasa," katanya kepada pemberita selepas berbuka puasa di Masjid Kampung Makmur, Sungai Galah dekat sini malam tadi.

Beliau menasihati pelatih pusat serenti supaya tidak menggunakan kuasa sendiri dan bertindak di luar lunas undang-undang jika menghadapi masalah semasa menjalani pemulihan di pusat-pusat itu.

Walaupun kementerian itu belum menerima laporan mengenai rusuhan tersebut, Megat Junid berkata kerajaan tidak akan bertolak ansur terhadap pelatih yang didapati bersalah kerana merosakkan harta benda kerajaan.

"Pelatih tidak akan terlepas begitu sahaja daripada kesalahan apabila ditangkap dan akan didakwa di mahkamah," katanya.

Dalam kejadian petang Sabtu itu, pelatih pusat serenti tersebut membakar lima blok bangunan, sebuah van dan tiga motosikal milik pusat itu mengakibatkan kerajaan kerugian RM1.5 juta.

Kementerian Dalam Negeri telah menetapkan cara yang sistematik, yang menggunakan kaedah pendidikan dan psikologi, dalam menjalankan rawatan terhadap pelatih dan bukannya secara memukul dan memaki mereka, katanya.

"Kemungkinan adanya penyalahgunaan sistem rawatan terhadap pelatih di kalangan warden yang mungkin menggunakan cara yang kasar, jika tidak tentu kejadian buruk seperti ini tidak berlaku," katanya.

Megat Junid berkata Majlis Anti Dadah, yang dipengerusikan oleh Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan bersidang tidak lama lagi untuk mengkaji dan melihat masalah-masalah yang wujud di pusat serenti bagi diatasi secepat mungkin. -- BERNAMA.

KY OBA.